

Kaunseling mampu selamatkan...mahligai bergelora

Pasangan akui perlunya komunikasi, bijak sesuai diri hidup bersama dan tahu peranan masing-masing



1/2

26 Apr 2015

NUR FADHILAH SALLEH

Kadar pasangan Muslim yang bercerai dalam lima tahun pertama perkahwinan berkurang di kalangan mereka yang mendirikan rumah tangga pada 2008 berbanding pasangan yang berkahwin pada 2003. Antara sebab yang dikatakan mendorong penurunan itu adalah inisiatif yang diusahakan masyarakat sendiri, termasuk Program Kaunseling Perkahwinan (MCP) yang diwajibkan bagi pasangan di ambang perceraian dan mereka yang membuat aduan di Mahkamah Syariah. Berita Minggu mengupas keberkesanan program tersebut serta lain-lain sebab yang berjaya menyelamatkan mahligai pasangan Islam.

MENURUT para kaunselor perkahwinan, sering kali apabila mahligai dilanda ombak, ramai pasangan yang lebih suka memencilkan diri.

Mereka juga tidak terbuka untuk menerima campur tangan pihak luar untuk memperbaiki keretakan dalam rumah tangga.

Namun, bagi sebahagian yang berani berdepan dengan masalah dan terbuka mendapatkan khidmat kaunseling, mahligai yang satu ketika dulu goyah kembali utuh dan berjaya diselamatkan.

Perangkaan yang dikeluarkan Kementerian Pembangunan Sosial dan Keluarga (MSF) baru-baru ini mendedahkan pasangan Muslim yang bercerai dalam tempoh lima tahun pertama berkurangan bagi mereka yang bernikah pada 2008 berbanding kohort pengantin yang mendirikan rumah tangga pada 2003.

Menurut MSF, hanya 11.4 peratus daripada perkahwinan Muslim yang dilangsungkan pada 2008 berakhir dengan perceraian sebelum tahun kelima, berbanding 14 peratus bagi perkahwinan pada 2003.

MSF menyatakan, antara sebab penurunan itu adalah hasil inisiatif masyarakat terutama dalam program persediaan dan pengayaan perkahwinan serta kaunseling yang disediakan bagi pasangan Muslim.

Di Singapura, pasangan Muslim mesti melalui Program Kaunseling Perkahwinan (MCP) apabila mereka membuat aduan berhubung masalah perkahwinan di Mahkamah Syariah.

MSF berkata sejak MCP dimulakan bagi pasangan Muslim pada 2004, lebih 27,000 rujukan telah dibuat dan 44 peratus daripada pasangan dalam program itu mengambil keputusan tidak meneruskan perceraian.

Pengurangan itu lebih menyerlah jika dibandingkan dengan kadar perceraian dan pembatalan perkahwinan pasangan bukan Islam dalam tempoh yang sama.

Menurut MSF, 5.6 peratus pasangan bukan Islam yang berkahwin pada 2008 bercerai atau membatalkan perkahwinan mereka berbanding 5.1 peratus bagi pasangan yang mendirikan rumah tangga pada 2003.

Pengurus Pusat Sokongan Keluarga Persatuan Pemuda Muslim Singapura (PPIS) As-Salaam, Cik Nooraini Razak, menerangkan intervensi sama ada menerusi program tersusun seperti kaunseling ataupun daripada anggota keluarga amat penting bagi pasangan suami isteri yang menghadapi masalah.

Malangnya, beliau berkata, masih terdapat stigma dalam kalangan sesetengah pasangan untuk mendapatkan bantuan apabila mahlilai mereka bergelora.

"Mereka bimbang dan malu masalah mereka dibincangkan dengan orang luar, dengan seorang kaunselor.

"Jadi kami ingin galakkan pasangan yang bermasalah ini supaya berbincang dengan anggota keluarga juga jika mereka rasa lebih selesa.

"Pokoknya, intervensi sedemikian mahupun kaunseling adalah wadah berguna.

"Ia dapat dimanfaatkan pasangan untuk mendapat bantuan dan pendapat daripada seseorang yang neutral atau tidak berpihak tentang isu atau masalah yang dihadapi mereka," ujar Cik Nooraini.

PPIS As-Salaam adalah antara 13 pusat yang mengendalikan MCP.

Lain-lain pusat termasuk Inspirasi @ AMP kendalian Angkatan Karyawan Islam (AMP), Pusat Kaunseling Jamiyah dan beberapa Pusat Khidmat Keluarga Thye Hua Kuan.

Cik Nooraini menambah, manfaat program MCP itu ialah ia memberi masa pasangan untuk bertenang dan berfikir mengenai perkara-perkara yang penting dalam perkahwinan mereka.

Ini kerana, bagi sebahagian besar pasangan, keputusan bercerai diambil sedang hati mereka dipenuhi rasa marah.

Pekerja sosial kanan PPIS As-Salaam, Cik Marjianah Abu Bakar, pula menerangkan kaunseling membuka pintu peluang bagi pasangan berkomunikasi dan menjernihkan keadaan.

"Mungkin sebelum ini ada sesetengah perkara yang membuat si suami atau isteri marah, tapi dalam keadaan marah itu ia tidak diluahkan dengan betul," ujar beliau.

Cik Marjianah, yang terlibat langsung dalam memberi kaunseling kepada pasangan yang ingin bercerai atau menghadapi masalah, menambah:

"Sesi kaunseling menyediakan sekitaran yang lebih baik bagi mereka mengetengahkan perkara-perkara yang tidak mereka senangi dan untuk kededua pihak memahami keadaan dengan lebih baik."

Diminta mengulas, mantan Presiden Kanan Mahkamah Syariah, Ustaz Sallim Jasman, berkata pasangan suami isteri harus melakukan sedaya mungkin dan meneroka setiap peluang untuk menyelamatkan mahligai yang dibina.

Menurutnya, perangkaan terkini jelas menunjukkan manfaat kaunseling kepada pasangan suami isteri yang bermasalah.

"Setiap perkahwinan yang diselamatkan itu sungguh bermakna," ujar beliau.

Merujuk trend perceraian dalam tempoh lima tahun pertama perkahwinan, Ustaz Sallim menambah, kematangan itu bukan hanya bergantung kepada usia.

"Yang penting, pasangan mesti ada persediaan dan berwawasan sebelum mendirikan rumah tangga. Penting untuk sentiasa pertingkatkan diri dari segi agama dan akademik. Dan bila ada masalah, terbuka untuk mendapatkan pertolongan," ujar beliau.

ENCIK Ahmad dan Cik Siti (kededua bukan nama sebenar) berkahwin selepas berkenalan selama lima tahun.

Tahun ini, mereka akan meraikan tahun kedua perkahwinan mereka. Namun, kebahagiaan dalam perkahwinan itu hampir tidak kesampaian apabila Encik Ahmad membuat permohonan untuk bercerai awal tahun ini.

"Saya melakukannya kerana rasa marah. Perselisihan faham dan kurang komunikasi adalah sebab utama," jelasnya, seorang Pembantu Perhubungan Pelanggan.

Mereka hidup terpisah selama dua minggu sebelum Encik Ahmad dan Cik Siti bertemu semula dan mengadakan perbincangan terbuka tentang masalah mereka.

"Apabila suami saya mengaku beliau tidak lagi cintakan saya, saya reda. Soal hati tidak boleh dipaksa.

"Ketika kami berpisah, suami saya terasa ada semacam perkara yang tidak kena dan akhirnya bertemu kembali.

"Lama kami berbincang sebelum kami memutuskan rujuk semula. Lebih mudah kami selesaikan perselisihan faham sebab tiada orang ketiga," ujar Cik Siti, seorang pembantu guru.

Bagi pasangan yang belum mempunyai cahaya mata itu, mereka dapat menyelesaikan perselisihan sebelum sesi pertama kaunseling.

"Kalau perbincangan antara pasangan tidak membantu, mungkin sesi kaunseling dapat membantu. Ketika sesi kaunseling kami, kaunselor bicara secara mendalam isu-isu yang kami hadapi," kata Encik Ahmad.

Mereka turut berbincang bersama ibu bapa yang turut menasihatkan mereka.

Keputusan untuk terus mengekalkan perkahwinan dibuat oleh pasangan itu dan disokong ibu bapa mereka.

Perbezaan terbesar bagi mereka setelah berkahwin adalah masing-masing kurang masa terluang bagi diri sendiri.

"Kami mempunyai minat berbeza. Selepas kami berbincang, kami sedar pentingnya meluahkan perasaan dan apa yang kami ingini.

"Kini, kami adakan masa untuk melakukan kegiatan kegemaran masing-masing dan meluangkan masa untuk melakukan aktiviti bersama," kata Cik Siti.

Pasangan muda yang kedua-duanya berusia 31 tahun itu menyatakan bahawa cabaran terbesar ialah menyesuaikan diri hidup bersama.

"Pasangan mesti sedar perbezaan dalam hubungan mereka sebelum dan sesudah berkahwin.

"Komunikasi amat penting dan kedua-dua suami isteri mesti tahu peranan masing-masing. Lain orang, lain cara huraiannya," ujar Encik Ahmad.

Persediaan sebelum berkahwin turut penting. Mereka menyertai kursus ekspres sehari bagi program persediaan sebelum perkahwinan.

"Mungkin lebih baik bagi kami menyertai kursus penuh selama dua hari supaya pemahaman kami lebih menyeluruh.

"Apa yang penting ialah sesudah perkahwinan, kita mesti memahami bahawa perkahwinan itu melibatkan dua individu dan kedua-duanya mesti saling menghormati pendapat masing-masing," kata Cik Siti.

KES 1

ENCIK Adam (bukan nama sebenar) dan Cik Ana (juga bukan nama sebenar) telah berkahwin hampir dua tahun. Mereka menghadapi masalah kewangan disebabkan tunggakan bil.

Encik Adam, 31 tahun, pencari nafkah tunggal. Beliau pekerja penjualan dan perkhidmatan. Cik Ana, 29 tahun, pula suri rumah.

Mereka menghadapi masalah membayar bil bulanan dengan gaji Encik Adam yang hanya \$1,300 sahaja.

Melalui Program Kaunseling Perkahwinan, kaunselor berbincang dengan mereka mengenai pengurusan kewangan dan membantu mereka mengutamakan perbelanjaan yang perlu.

Kaunselor juga menekankan sikap saling mempercayai dan berkomunikasi dalam perkahwinan. Hasilnya, pasangan berdamai selepas tiga sesi kaunseling.

KES 2

ENCIK Izad dan Cik Liza (kedua-dua bukan nama sebenar) telah berkahwin hampir 16 tahun.

Ketika berkahwin, Encik Izad bujang dan Cik Liza janda tiga anak. Mereka mempunyai dua anak daripada perkahwinan mereka.

Encik Izad, 51 tahun, seorang pengurus dan Cik Liza, 38 tahun, suri rumah.

Cik Liza memohon perceraian pada 2012 dan tinggal berasingan ekoran pertikaian perkahwinan.

Melalui Program Kaunseling Perkahwinan, kaunselor membantu mereka mengenal pasti dan memahami cabaran yang dihadapi. Kemudian, kaunselor membincangkan bagaimana perkahwinan mereka dapat diuruskan.

Pasangan ini menghadiri program pengayaan keluarga oleh agensi kaunseling yang mendedahkan mereka kepada pengalaman keluarga tiri yang lain.

Melalui pendedahan itu, mereka dapat mencungkil pengalaman dan belajar bagaimana menguruskan keluarga tiri.

Ini meluaskan perspektif mereka mengenai isu-isu yang dihadapi, dan menggariskan strategi yang dapat digunakan untuk mengukuhkan perkahwinan mereka.

Kegiatan tersebut juga memberi mereka peluang mengeratkan hubungan.

Hasilnya, pasangan ini memilih mengekalkan perkahwinan dan telah menguruskan keluarga mereka dengan baik. Anak-anak pasangan itu melaporkan hubungan sihat antara mereka.